

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023**

HARI ISNIN : 6 MAC 2023

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 7, 9, 15 HINGGA NO. 56)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 6 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu kenaikan kos mengerjakan ibadah umrah di Arab Saudi yang tinggi sekarang ini.

JAWAPAN

**YB DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melihat perkara ini secara serius berhubung peningkatan harga kos umrah. Ia didakwa meningkat berikutan permintaan yang tinggi dari jemaah seluruh dunia yang antara lain melibatkan kos penginapan, logistik, tiket penerbangan dan lain-lain. Perkara ini merupakan luar bidang kuasa MOTAC. Walau bagaimanapun, MOTAC sentiasa mengambil inisiatif untuk mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkaitan bagi mengenalpasti kebenaran isu yang dibangkitkan dan berharap dapat membantu mengatasi isu yang ditimbulkan.
2. Sebagai makluman, MOTAC telah mengadakan mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya bersama Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pengangkutan, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAHWAR), Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM), Suruhanjaya Persaingan (MYCC), Malaysia Airlines Berhad dan AMAL *by Malaysia Airlines* pada 31 Januari 2023. Ia turut dihadiri oleh wakil Persatuan Pengendali Umrah iaitu Persatuan Syarikat Pengendali Pelancongan Bumitra (BUMITRA), Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembalaan Malaysia (MATTA) dan Persatuan Agensi Pelancongan Umrah & Haji (PAPUH).
3. Mesyuarat bertujuan untuk menyelaraskan perkara berkaitan penerbangan umrah yang didakwa punca kepada kenaikan kos pakej mengerjakan umrah. Berdasarkan mesyuarat tersebut MOTAC, Kementerian Pengangkutan dan AMAL *by Malaysia Airlines* akan mengadakan perbincangan lanjut bagi mengenalpasti strategi penyeragaman agihan jualan tiket penerbangan bagi meminimumkan kenaikan kos penerbangan umrah. Secara tidak langsung ia akan memberi ruang kepada syarikat

NO. SOALAN : 7

pengendali umrah untuk mendapat harga tiket penerbangan yang lebih kompetitif untuk ditawarkan kepada jemaah umrah.

4. MOTAC serta badan-badan yang terlibat dalam pengurusan dan perkhidmatan umrah bekerjasama secara erat dengan ejen-ejen pelancongan untuk mendapatkan penyelesaian yang adil bagi semua pihak. Perkara ini turut melibatkan beberapa pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung, seperti pengusaha hotel, syarikat penerbangan, pengusaha bas dan ramai lagi bagi memastikan keseluruhan rantaian bekalan (*supply-chain*) dapat memaksimakan kepentingan perniagaan masing-masing dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan tidak membebankan para jemaah.

5. Dalam pada itu bagi melindungi hak pengguna, MOTAC bercadang untuk mewajibkan setiap syarikat pengendali umrah perlu menyediakan perjanjian dengan jemaah yang antara lain turut menyatakan terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai, jadual, pakej yang ditawarkan berserta peruntukan tentang ganti rugi sekiranya terdapat salah laku atau kemungkinan oleh syarikat pengendali umrah atau jemaah. Ia adalah selaras dengan Peraturan 6(1A)(d) di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]
TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan '*financial awareness*' dalam kewangan rakyat Malaysia terutama dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi pada tahun 2023 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited untuk meningkatkan tahap literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia memandangkan ianya merupakan kemahiran hidup yang penting dan diperlukan untuk mengurus kewangan peribadi dan membuat keputusan, bagi membina ketahanan kewangan terutamanya dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi pada tahun ini.

Jaringan Pendidikan Kewangan atau lebih dikenali sebagai *Financial Education Network* (FEN) terus menggiatkan usaha untuk meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan pengetahuan dan amalan kewangan untuk pengurusan kewangan yang berhemat. FEN merupakan satu platform antara agensi yang terdiri daripada institusi dan agensi yang komited untuk meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia. Ahli FEN antaranya terdiri daripada Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Ahli dan rakan usaha sama FEN bekerjasama dengan agensi Kerajaan, pihak swasta, komuniti perniagaan, perusahaan sosial dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta sektor pendidikan untuk melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan tahap literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia. Antara pencapaian utama FEN termasuk penerapan elemen pendidikan kewangan dalam semua peringkat pengajian sekolah, bermula daripada prasekolah sehingga ke peringkat menengah atas. Modul pendidikan kewangan juga telah diperkenalkan sebagai subjek elektif dalam program di beberapa institusi pengajian tinggi. Kompetensi Teras Literasi Kewangan atau *Financial Literacy Core Competencies* (FLCC) untuk orang dewasa dibangunkan sebagai panduan untuk memastikan keberkesanan dan kualiti inisiatif pendidikan kewangan yang dilaksanakan.

NO SOALAN :9

FEN terus melaksanakan inisiatif kewangan dengan memberi penekanan kepada topik yang relevan pada masa kini iaitu pengurusan pinjaman, literasi kewangan digital termasuk jenayah penipuan kewangan, kepentingan membina simpanan dan pengurusan risiko kewangan peribadi. Di antara 2021 dan 2022, FEN telah melaksanakan lebih 500 inisiatif pendidikan kewangan dengan interaksi melebihi 11 juta orang. Inisiatif ini merangkumi semua peringkat umur dan tahap pendapatan, serta memberi penekanan kepada golongan rentan terutamanya belia dan B40.

Antara salah satu langkah FEN untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang kepentingan literasi kewangan ialah penganjuran program perdana (*flagship*) Bulan Literasi Kewangan atau *Financial Literacy Month* (FLM) sepanjang bulan Oktober 2022. FLM2022 telah memberi penekanan terhadap mesej kepentingan celik kewangan digital dan jenayah penipuan kewangan untuk membantu rakyat membina ketahanan kewangan dan memanfaatkan perkembangan ekonomi digital dengan yakin. Sepanjang FLM2022 juga, bas FEN telah menjelajah ke 61 lokasi di seluruh negara dari kawasan pusat bandar ke kawasan luar bandar dan menyantuni lebih 20,000 rakyat termasuk pelajar universiti. Bas FEN ini menyediakan sumber pendidikan kewangan bebas secara percuma meliputi pengurusan kewangan peribadi, celik kewangan digital, kesedaran tentang penipuan kewangan dan khidmat nasihat mengenai pengurusan hutang. Secara keseluruhan, FLM2022 telah mendapat lebih 3.2 juta interaksi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 6 MAC 2023

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

SOALAN

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan pelan rekonsiliasi nasional yang bertujuan menghakis politik dendam dan membanteras politik mengikut sentimen kaum dan agama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sistem politik negara kita pada masa ini terbentuk hasil daripada Dasar Pecah dan Perintah yang diamalkan sejak zaman penjajahan British di Tanah Melayu.
2. Dasar ini telah membahagikan kaum mengikut fungsi dan peranan mereka dalam pembangunan ekonomi, tempat tinggal dan sistem pendidikan yang berbeza.
3. Implikasi dari dasar tersebut telah **mempengaruhi corak kegiatan berpolitik setiap kaum selepas kemerdekaan**. Sistem politik negara kita yang berasaskan kaum menjadi salah satu cabaran yang perlu ditangani dengan baik bagi memastikan ia tidak mencetuskan perselisihan antara kaum.

4. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah bertitah sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Parlimen Ke-15 pada 13 Februari 2023 supaya semua wakil rakyat **mengetepikan agenda politik sempit dan bersatu hati** atas nama perpaduan.
5. Dalam sistem politik federalisme mengikut kaum dan etnik, negara tetap mampu bergerak ke arah landskap politik yang menggalakkan perpaduan serta meningkatkan amalan saling menghormati dan toleransi dalam kalangan rakyat, dengan contoh teladan yang baik daripada pemimpin kepada rakyat
6. Antara strategi yang digariskan melalui Dasar Perpaduan Negara adalah memperkuuhkan **peranan pemimpin sebagai pemangkin perpaduan**. Untuk itu, semua peringkat kepimpinan bermula dari peringkat persekutuan, negeri, daerah sehingga peringkat akar umbi perlu menjadi teladan dan contoh terbaik kepada rakyat.
7. Kerajaan Perpaduan yang diterajui oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada masa ini merupakan satu konsep pentadbiran Kerajaan yang menekankan aspek perpaduan dengan penglibatan semua parti. Konsep ini juga merupakan salah satu rekonsiliasi bagi mengelakkan politik dendam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
[GUA MUSANG]**

TARIKH : 6 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pelan jangka sederhana dan panjang Kementerian untuk memelihara khazanah warisan kebudayaan menerusi program kesenian dan kebudayaan mengikut negeri untuk menarik minat pelancong.

JAWAPAN

**YB DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa menitikberatkan usaha memelihara khazanah warisan kebudayaan negara. Hasrat ini jelas digariskan dalam Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) melalui Teras ke 3 iaitu “Melestarikan kebudayaan melalui agenda pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan khazanah warisan negara”. Teras ini diperincikan melalui 8 strategi dan 15 pelan tindakan. Selain itu, Teras 4 DAKEN juga menyatakan dengan jelas berkaitan pembangunan dan pengembangan seni, budaya dan warisan negara.
2. MOTAC melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) juga sentiasa cakna serta mengambil inisiatif mendukung usaha memelihara khazanah warisan kebudayaan dengan mewartakannya di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Selain itu, mana-mana pihak juga boleh mencadangkan apa-apa kesenian dan kebudayaan kepada JWN untuk dipertimbangkan pewartaannya.
3. Menerusi Pelan Strategik Jangka Panjang (PSJP) JWN 2021-2025, JWN sebagai agensi peneraju pemuliharaan dan pemeliharaan warisan sentiasa memastikan penyampaian perkhidmatan berkualiti tinggi dan mempunyai nilai yang diharapkan oleh *stakeholders* dan pelanggan JWN. Kualiti dan nilai yang cemerlang ini pastinya akan mengukuhkan peranan MOTAC melalui JWN dalam menguruskan khazanah Warisan Negara berpandukan kepada beberapa teras strategik iaitu:
 - i. meneruskan kesinambungan warisan untuk mengekalkan identiti dan jati diri masyarakat;
 - ii. membina dan mengetengahkan khazanah warisan negara di persada dunia;

- iii. membentuk kesedaran terhadap kecintaan warisan dalam jiwa masyarakat;
- iv. melindungi khazanah warisan melalui instrumen perundangan dan garis panduan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan negara;
- v. memantapkan organisasi dan fungsi jabatan serta meningkatkan tahap profesionalisme; dan
- vi. memperkasakan warisan melalui penggunaan teknologi maklumat

4. Selain itu, MOTAC melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) berperanan dalam membangun dan mengembangkan khazanah warisan kebudayaan menerusi program kesenian dan kebudayaan di seluruh negara yang secara tidak langsung menyokong sektor pelancongan negara. Antara program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan adalah:

- (i) Program Pelancongan Budaya (*Culture Based Tourism*);
- (ii) Panggung Seni Tradisional (PST);
- (iii) Perantisan; dan
- (iv) Program Merakyatkan Seni Budaya (PMS)

5. MOTAC sentiasa giat meneruskan usaha dalam memelihara khazanah warisan kebudayaan dengan penganjuran lebih banyak program kesenian dan kebudayaan mengikut negeri berbilang kaum dan budaya negara ini dalam usaha berterusan menarik minat pelancong.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA
[KOTA MARUDU]**

TARIKH : 6 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai pelan jangka panjang dan pelan jangka pendek dalam memperbaiki mutu pertanian yang semakin terbiar dan tidak diolah dengan baik bagi kawasan-kawasan luar bandar seperti Kota Marudu. Apakah pihak Kementerian mempunyai pelan bagi meningkatkan keberhasilan pertanian apalagi bagi kawasan-kawasan ini yang bergantung kepada hasil pertanian sebagai punca pendapatan dan juga antara pengeluar hasil pertanian tertinggi di wilayah Sabah.

Jawapan

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Negeri Sabah melalui Jabatan Pertanian Sabah melaksanakan pelan jangka panjang dan pelan jangka pendek melalui program pembangunan pertanian secara menyeluruh di negeri Sabah selaras dengan RMK-12 dan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 (2021-2025).

Antara usaha-usaha dan strategi Kementerian yang dilaksanakan di seluruh daerah termasuk Kota Marudu adalah seperti berikut:

- (i) **Program Pembangunan Tanaman** seperti tanaman kelapa, durian, kopi, sayuran dan tanaman kontan diberikan secara berterusan kepada pemohon yang layak mengikuti program ini. Disamping itu juga pemberian bantuan input-input pertanian seperti peralatan ladang, racun, baja juga diagihkan bagi membantu mengurangkan beban para pengusaha pertanian dalam merancakkan lagi industri pertanian setempat. Untuk daerah Kota Marudu, projek-projek pertanian yang dibangunkan bagi tahun 2021 dan 2022 adalah seperti berikut:
- a) Insentif Pembangunan Tanaman Sayur-sayuran secara komersial (1 ha/1 orang);
 - b) Insentif Peningkatan Produktiviti Tanaman Industri (88 ha/44 orang);
 - c) Insentif Peningkatan Produktiviti Tanaman Buah-Buahan (39 ha/ 26 orang);
 - d) Pembangunan Tanaman Durian Premium (12 ha/ 12 orang);
 - e) Pembangunan Tanaman Kelapa dan Kopi (48 pokok/ 24 orang);
 - f) Pembangunan Tanaman Pisang Sabah dan Buah-buahan terpilih (32 ha/16 orang); dan
 - g) Pembangunan Tanaman Kontan (9 ha/9 orang).
- (ii) **Pembangunan Tanaman Padi** di daerah Kota Marudu, sawah padi yang aktif seluas **2,893.87 hektar** dengan jumlah petani seramai **1,916 orang**. Beberapa strategi telah dirancang untuk merealisasikan pelaksanaan pelan pembangunan tanaman padi yang terbahagi kepada **jangka pendek, jangka sederhana** dan **jangka panjang**.
- (iii) **Strategi pembangunan tanaman** padi jangka pendek melalui meningkatkan pengeluaran dan penggunaan benih padi bermutu tinggi (HYV). Pada masa ini jabatan mengeluarkan benih padi TR8 (Seri Aman), TR9 (Seri Sabah) dan TR10 (Seri Warisan) melalui 3 buah loji pengeluaran benih padi yang berpusat di Kimanis Papar, Lagud Seberang Tenom dan

Timbang Menggaris Kota Belud dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 600-800 tan benih padi HYV, selain dari itu strategi kedua kempen penanaman padi 2 kali setahun yang bertujuan untuk meningkatkan Crop Intensity daripada 1.0 ke 2.0.

- (iv) **Strategi Jangka Sederhana** melibatkan keperluan mekanisasi dan automasi. Daerah Kota Marudu memerlukan sebanyak 58 buah traktor pembajak dan 58 buah jentuai. Pada masa ini jentera pembajak sedia ada adalah 24 buah dan jentera penuai 26 buah. Manakala keperluan tambahan sebanyak 34 buah jentera pembajak dan 32 buah jentera penuai. Selain keperluan mekanisasi dan automasi strategi lain untuk **memulihkan tanah sawah terbiar seluas 238.7 hektar** perlu dibangunkan dengan menaiktaraf sistem pengairan serta memulihkan semula tanah tersebut secara mampan.
- (v) **Strategi Jangka Panjang** pembukaan kawasan-kawasan baharu perlu diperolehi melalui jabatan tanah dan ukur serta **mewarta** bagi **mengekalkan tanah sawah** yang bertujuan **mengelakkan daripada kawasan tersebut ditimbul guna oleh aktiviti-aktiviti seperti pembinaan rumah, industri dan sebagainya (rujukan ordinan tanah Sabah Bab 68, Klausus 54).** Pewujudan mini jelapang padi sangat digalakkan di daerah Kota Marudu untuk membolehkan menaiktaraf sistem pengairan dan saliran sawah padi serta pembangunan sawah padi lebih teratur dan terancang. Bagi Program Pembangunan Tanaman Padi ini, **sasaran setiap tahun** bagi daerah **Kota Marudu** adalah seluas **5,200 hektar melibatkan 3,750 orang petani.**
- (vi) Pelaksanaan **program pelbagai produk dan menambah nilai produk** daripada tanaman untuk mengalakkkan penambahan bilangan usahawan dan memperkasakan Usahawan Industri Asas Tani (IAT) sedia ada agar sumber ekonomi masyarakat setempat ditingkatkan. Antara program yang dilaksanakan di daerah **Kota Marudu** adalah seperti **Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani dan Usahawan**, serta **Program Geran Pemadanan Change**

Upgrade Product, Bantuan Agropreneur Muda dan Pengiktrafan Usahawan. Sepanjang tahun 2021-2022, sejumlah **17** kursus dengan penglibatan seramai **213 orang** masyarakat tani telah dilaksanakan dalam **Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani di** daerah Kota Marudu manakala **sasaran tahun 2023-2025** adalah sebanyak **21 kursus** dengan penyertaan **210 orang** masyarakat tani. Selain itu, pada tahun 2021-2022 seramai **7 orang pengusaha** di daerah Kota Marudu telah mendapat manfaat melalui **Program Mempelbagai dan Menambah Pendapatan Petani (3 orang), Program Peningkatan Pendapatan Petani (2 orang), Program Peningkatan Keupayaan Pengeluaran (1 orang) dan Program Geran Usahawan Baharu (1 orang)** dengan **nilai bantuan berjumlah RM70,000.**

- (vii) Pelaksanaan **Program Jabatan Pertanian Sabah** melalui **Pejabat Pertanian Daerah Kota Marudu** seperti **ceramah, kursus singkat, latihan dan lawatan dilakukan secara berkala dan berjadual.** Melalui program-program ini, **maklumat terkini berkaitan teknologi dan informasi yang baharu** dapat disalurkan kepada masyarakat khususnya **para pengusaha dan petani** di daerah Kota Marudu.
- (viii) **Program Amalan Pertanian Baik (APB)** didedahkan secara *hands on* kepada pengusaha pertanian. Melalui program ini ladang pengusaha pertanian **diiktiraf** dengan **pemberian persijilan myGAP/myOrganic** sebagai galakkan serta bukti **pengeluaran ladang mereka berkualiti dan selamat dimakan.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU]

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah dan strategi Kementerian bagi mencapai sasaran dasar 60:40 iaitu 60% pelajar aliran sains dan 40% pelajar aliran sastera berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Nyatakan juga sebab-sebab mengapa peratus pelajar aliran sains menurun ke tahap 18% pada masa kini berbanding dengan 40% pada tahun 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar 60:40 yang diwujudkan pada tahun 1967 merujuk kepada enrolmen murid terutama pada peringkat pendidikan menengah atas dan peringkat tinggi mengikut nisbah 60 peratus dalam bidang sains dan teknologi serta 40 peratus dalam bidang sastera.

Pada tahun 2022, enrolmen murid aliran STEM adalah sebanyak 40.94 peratus. Bilangan ini merangkumi murid yang :

- i. mengambil mana-mana aliran STEM;
- ii. mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan sahaja;
- iii. mengambil mana-mana satu mata pelajaran elektif STEM (Sains Gunaan dan Teknologi); dan
- iv. mengikuti program Kolej Vokasional Tahun 1.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, enrolmen murid STEM bagi lima tahun sebelumnya ialah 40.95 peratus (2021), 47.00 peratus (2020), 41.84 peratus (2019), 42.83 peratus (2018) dan 45.20 peratus (2017). Nilai 18 peratus yang dinyatakan adalah merujuk khusus kepada murid aliran sains tulen sahaja.

Bagi memastikan Dasar 60:40 ini sentiasa dipenuhi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Langkah yang telah diambil dalam Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM termasuklah:

SOALAN NO : 18

- i. meningkatkan minat murid melalui pendekatan pembelajaran yang baharu dan pemantapan kurikulum seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, projek, penyelesaian masalah dan antara disiplin yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT);
- ii. meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru bidang STEM;
- iii. meningkatkan kesedaran terhadap STEM dalam kalangan murid, ibu bapa dan orang awam; dan
- iv. menambah baik serta menaik taraf kemudahan dan infrastruktur untuk proses PdP STEM.

KPM komited untuk memastikan enrolmen murid dalam aliran STEM dapat menyediakan bakat yang mencukupi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI AZLI BIN YUSOF (SHAH ALAM)

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :

- (a) adakah Kementerian berhasrat membina jalan bertingkat di sepanjang Jalan Subang - Batu Tiga bermula dari GCE hingga ke Persiaran Jubli Perak, Shah Alam; dan
- (b) apakah cabaran yang dihadapi dan langkah memastikan rancangan ini diteruskan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

(a)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah menerima permohonan projek Menaiktaraf Persiaran Jubli Perak (FT3214), Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan (Fasa 1 dan Fasa 2) daripada Negeri Selangor bagi *Rolling Plan 3* (RP3) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Berdasarkan kedudukan keutamaan projek dan agihan siling peruntukan pembangunan yang terhad untuk projek baharu, projek tersebut tidak dapat diangkat untuk pertimbangan Agensi Pusat buat masa ini.

Kementerian ini akan meneliti semula cadangan projek ini apabila dimohon dalam *Rolling Plan* RMKe-12 yang akan datang dan akan dipertimbangkan untuk diangkat kepada Agensi Pusat untuk kelulusan, tertakluk kepada kedudukan keutamaan projek dan ketersediaan agihan peruntukan pembangunan.

(b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara cabaran yang dihadapi oleh Kementerian ini dalam merealisasikan permohonan projek pembangunan adalah dari segi agihan siling peruntukan yang terhad untuk projek-projek baharu disebabkan situasi kewangan semasa serta komitmen yang tinggi untuk pembiayaan projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan.

Selain itu, kos pembinaan yang tinggi, proses pengambilan tanah serta kerja pengalihan utiliti yang rumit ketika fasa sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan projek turut menjadi cabaran yang perlu dihadapi. Langkah terbaik bagi memastikan rancangan ini dapat direalisasikan adalah dengan kelulusan bajet yang mencukupi daripada Agensi Pusat di samping perancangan yang teliti serta kawalan terhadap kos dan masa bagi pelaksanaannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN
[ALOR SETAR]**

TARIKH : 6 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR]
minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan
apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk menjadikan Bandaraya Alor
Setar sebagai Bandaraya Pelancongan.

JAWAPAN

**YB DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa komited untuk membangun serta mempromosi bandar-bandar utama termasuk Bandaraya Alor Setar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MOTAC telah menyalurkan sebanyak RM4.18 juta bagi tiga belas (13) projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur pelancongan di negeri Kedah pada tahun 2021 dan 2022 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM640,000 telah disalurkan kepada Bandaraya Alor Setar di bawah peruntukan Pemerkasaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan bagi Kerja-kerja Pemulihan, Pemuliharaan, Ubah Suai dan Naik Taraf (PPUN) untuk projek seperti berikut:
 - i. Projek Membaikpulih Serta Pengindahan Pekan Cina, Alor Setar (RM240,000);
 - ii. Kerja-Kerja Menyelenggara Dinding Sedia ada Bahagian Dalam Balai Seni Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Balai Seni, Alor Setar (RM250,000); dan
 - iii. Projek Menaiktaraf Serta Membaikpulih Persisiran Tanjung Chali, Alor Setar (RM150,000)
2. Di samping itu, menerusi Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2.0, MOTAC turut mengenal pasti kluster ekopelancongan Jitra – Alor Setar – Gunung Jerai sebagai salah satu daripada 60 kluster ekopelancongan di Malaysia yang berpotensi dibangunkan bagi merangsang ekonomi setempat. Antara tarikan utama di kluster ini adalah Gunung Keriang yang merupakan bukit batu kapur purba lama dan terletak di tengah-tengah

NO. SOALAN : 20

jelapang padi menjadikannya lokasi yang sangat sesuai bagi kembara hutan (hiking), jelajah gua (*caving*) dan aktiviti tali tinggi (*abseiling*).

3. Selain itu, MOTAC menerusi Tourism Malaysia juga melaksanakan pelbagai promosi bagi membantu merancakkan lagi Bandaraya Alor Setar sebagai Bandaraya Pelancongan antaranya:

- i. mengadakan Program *LiveStream Penang Hidden Gem & Beyond, Exploring Kedah and Perlis* pada 5 sehingga 7 Disember 2022. Menerusi program ini, penonton dapat menikmati dan mendalami pelancongan sejarah Alor Setar, Kedah. Program ini telah dimuat naik ke laman *Facebook Tourism Malaysia Northern Region* dan laman *Facebook Penang Hidden Gems* dan menerima sebanyak 30 ribu tontonan; dan
- ii. menjemput pempengaruh media sosial (*social media influencer*) untuk mempromosi tempat - tempat menarik di Alor Setar seperti lawatan berjalan kaki berpandu di Medan Diraja, melawat ke Pekan Rabu, Menara Alor Setar dan Kompleks kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. Program ini telah berjaya mendapat 10,000 jumlah tontonan di Youtube.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MOHD SHAFIE
BIN APDAL [SEMPORNA]**
TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MOHD SHAFIE BIN APDAL [SEMPORNA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menetapkan setiap satu butiran di dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan bagi perbelanjaan melibatkan Sabah dan Sarawak dibutirkan dengan jelas dan khusus selaras dengan prinsip ketelusan di bawah Malaysia Madani.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, butiran peruntukan di dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan disediakan berdasarkan kepada peruntukan yang disediakan kepada kementerian / jabatan / agensi Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, terdapat satu **Lampiran** di dalam Buku Anggaran Kerajaan Persekutuan yang menunjukkan peruntukan yang melibatkan pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri termasuk pemberian kepada negeri Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : PUAN ISNARAISAH MUNIRAH BT
MAJILIS @ FAKHARUDY [KOTA BELUD]**
TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

PUAN ISNARAISAH MUNIRAH BT MAJILIS @ FAKHARUDY [KOTA BELUD] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan tabung pembangunan Sabah dan Sarawak dalam memastikan peruntukan tahunan bagi tujuan pembangunan bagi kedua-dua buah wilayah ini yang tidak habis digunakan pada tahun semasa tidak dipulangkan semula ke dalam akaun Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan menyediakan Peruntukan Pembangunan untuk semua negeri-negeri di Malaysia melalui projek dan program yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun secara tahunan. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Peruntukan Pembangunan adalah tertakluk kepada Kumpulan Wang Pembangunan yang turut dibentangkan di Parlimen semasa sesi Pembentangan Belanjawan Tahunan Kerajaan Persekutuan. Oleh demikian, Peruntukan Pembangunan tahun semasa yang tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya bagi sesuatu projek dan program tidak boleh dibawa ke hadapan selaras dengan Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, ini tidak akan mengubah kos projek dan peruntukan tetap akan disediakan berdasarkan baki dari kos projek semasa penyediaan Belanjawan Tahunan pada tahun berikutnya. Justeru itu, keperluan untuk menyediakan tabung Pembangunan bagi Sabah dan Sarawak tidak berbangkit memandangkan peruntukan untuk projek dan program sambungan akan disediakan sewajarnya sehingga projek siap sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LEE CHEAN CHUNG (PETALING JAYA)

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan memandangkan Lebuh Raya Persekutuan diselenggara dengan teruk, apakah rancangan untuk meningkatkan tahap keindahan, keselamatan, keterangan lampu serta mutu Lebuh Raya Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penyenggaraan Jalan Persekutuan merangkumi 3 skop penyenggaraan antaranya skop penyenggraan rutin, penyenggaraan berkala dan kerja kecemasan.

Bagi penyenggaraan rutin, ia merangkumi kerja-kerja penyenggaaran seperti:

RO1- Penyenggaraan Pavemen – (“Potholes Patching”) RO2-
Penyenggaraan Bahu Jalan

RO3- Pemotongan Rumput

RO4- Penyenggaraan Bahu Jalan

RO5- Penyenggaraan Jambatan dan Pembentong RO7-
Penyenggaraan Longkang.

Penyenggaraan rutin ini dijalankan berdasarkan dengan pusingan kerja yang telah ditetapkan sebagai mana yang termaktub dalam Perjanjian Penswastaan Penyenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia.

Manakala bagi kerja penyenggaraan berkala pula, ia terbahagi kepada 2 iaitu, penyenggaraan berkala pavemen dan penyenggaraan berkala bukan pavemen. Kerja – kerja penyenggaraan berkala ini akan dijalankan berdasarkan kepada kelulusan peruntukan dari semasa ke semasa.

Kerja kecemasan pula bermaksud kerja yang tak dijangka atau dirancang dan perlukan tindakan segera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian telah menerima kelulusan peruntukan sebanyak **RM3.511 juta** bagi tahun **2022 untuk Lebuhraya Persekutuan**. Daripada jumlah kos yang diluluskan,

sebanyak **RM2.699 juta** adalah untuk penyenggaraan **kerja berkala pavemen**. Sebanyak **RM0.657 juta** telah diperuntukan bagi **kerja berkala bukan pavemen** sebanyak **RM0.153 juta** telah dibelanjakan untuk penyenggaraan rutin pada tahun 2022.

Bagi tahun 2023 pula, Kementerian telah mengenal pasti dan merancang **2 bilangan** kerja **berkala pavemen** yang bernilai **RM2.0 juta** dan **19 bilangan** kerja **berkala bukan pavemen** bernilai **RM10.112 juta**. Kerja-kerja ini akan dilaksanakan tertakluk kepada nilai peruntukan yang diluluskan Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan pembaikan berdasarkan tahap kerosakan keseluruhan jaringan jalan persekutuan.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya komited dalam memastikan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan rutin sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI
[IGAN]**

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa bilangan guru pengambilan *one-off* dan *Contract of Service* (COS) yang tidak melapor diri atau menolak tawaran ke Sarawak atau sudah melapor diri kemudian bermasalah. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengisi kekosongan guru tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap perkara berkenaan pengisian guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara, termasuk di negeri Sarawak bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan. KPM juga berusaha untuk memastikan guru kelahiran Sarawak diberikan keutamaan untuk ditempatkan di negeri kelahiran mereka berdasarkan kekosongan perjawatan dan keperluan opsyen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2022, seramai 3,227 guru *one-off* yang merangkumi 2,621 guru lantikan tetap dan 606 guru lantikan secara *Contract of Service* (CoS) telah ditempatkan di negeri Sarawak. Namun, seramai 222 orang guru yang diberi penempatan ke Sarawak tidak melapor diri atau menolak. Urusan pengambilan guru akan dilaksanakan berterusan dari semasa ke semasa tertakluk kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran.

KPM melaksanakan Program Pembangunan Guru Baharu sebagai salah satu program yang menyokong pembangunan profesionalisme kepada guru baharu. Melalui program ini, guru baharu dibimbing dengan sokongan dan bantuan secara profesional dan berstruktur bagi membolehkan mereka mengadaptasi dengan persekitaran, budaya dan komuniti sekolah. Selain itu, program ini juga membantu guru untuk membolehkan mereka memahami dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam situasi sebenar di sekolah. Guru baharu juga menerima bimbingan secara berterusan daripada guru mentor yang dilantik dalam meningkatkan kompetensi profesionalisme terutamanya kemahiran dan kepakaran bagi memastikan pembelajaran dan pengajaran (PdP) dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY G.
KITINGAN [KENINGAU]
TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY G. KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang melaksanakan pembayaran peruntukan hak hasil kepada Sabah dan Sarawak yang berikut:

- (a) pengembalian bayaran penuh untuk duti import dan eksais ke atas produk petroleum daripada RM120 juta sekarang memandangkan asas pengurangan jumlah kepada RM120 juta tidak terpakai lagi dan hasil penuh untuk duti import dan eksais tersebut harus dibayar seperti diperuntukkan di bawah Artikel 112C(1)(b) dan Seksyen 1 Bahagian V Jadual Ke-10 Perlembagaan Persekutuan dan yang tidak harus dimasukkan kepada Dana Disatukan (Consolidated Fund); dan
- (b) pembayaran duti eksport ke atas minyak sehingga 10% nilai ad valorem menggantikan royalti minyak di mana Sabah dan Sarawak tidak levi royalti minyak seperti diperuntukkan di bawah Artikel 112C(1)(b) dan Seksyen 3 Bahagian V Jadual Ke-10 Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian semula Pemberian Khas kepada negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan pertama telah dilaksanakan pada tahun 1969 yang membawa kepada pewartaan Perentah (Ulangkaji Pertama) Pemberian-Pemberian Khas Sarawak, 1969 [P.U.(A) 403/1969] dan Perentah Pemberian Khas Sabah (Ulangkaji Pertama) 1970 [P.U.(A)328/1970]. Pewartaan tersebut telah memperuntukkan kadar Pemberian Khas sebanyak RM16.0 juta setahun kepada negeri Sarawak dan RM26.7 juta setahun kepada negeri Sabah. Berdasarkan perintah tersebut yang masih berkuat kuasa sehingga tahun 2022, negeri Sabah dan Sarawak sejak tahun 1973 sehingga kini masing-masing menerima Pemberian Khas sebanyak RM26.7 juta dan RM16.0 juta setahun.

Pada 14 Februari 2022, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah telah mencapai persetujuan seperti [P.U.(A) 119/2022] bertarikh 20 April 2022 untuk tempoh 5 tahun seperti berikut:

- (i) Tahun 2022 sebanyak RM125.6 juta;
- (ii) Tahun 2023 sebanyak RM129.7 juta;
- (iii) Tahun 2024 sebanyak RM133.8 juta;
- (iv) Tahun 2025 sebanyak RM138.1 juta; dan
- (v) Tahun 2026 sebanyak RM142.6 juta.

Namun demikian, persetujuan di atas tertakluk kepada rundingan formula di mana jika dipersetujui ia akan berkuat kuasa mulai tahun 2022. Untuk makluman, sehingga persetujuan formula baharu dicapai, [P.U.(A) 119/2022] masih berkuat kuasa.

NO SOALAN :25

Pewartaan Perentah (Ulangkaji Pertama) Pemberian-Pemberian Khas Sarawak, pada tahun 1969 [P.U.(A) 403/1969] telah memperuntukkan kadar Pemberian Khas sebanyak RM16.0 juta masih berkuat kuasa sehingga kini

Pada 20 Januari 2023, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk merundingkan formula Pemberian Khas yang lebih baik kepada negeri Sabah dan Sarawak termasuk meningkatkan kadar Pemberian Khas daripada yang telah dipersetujui sebelum ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 6 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah MAFS bagi memastikan bekalan telur cukup di pasaran serta apakah langkah-langkah diambil bagi memastikan harga di pasaran tidak membebankan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memperkasakan memastikan bekalan telur cukup di pasaran dengan harga yang berpatutan, MAFS melaksanakan langkah jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:

(a) Jangka pendek

- (i) memberi subsidi kepada penternak ayam pedaging dan ayam penelur untuk membantu mengatasi kenaikan kos pengeluaran, mulai 5 Februari 2022 hingga 31 Disember 2022. Sehingga 15 Februari 2023, sebanyak 18,880 permohonan bernilai RM1.69 bilion subsidi telah diluluskan kepada penternak;
- (ii) membenarkan pengimportan telur dari luar negara mulai Disember 2022;
- (iii) mengedarkan bekalan telur ke seluruh negara melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA); dan
- (iv) membenarkan pengimportan anak ayam (*Day Old Chick – DOC*) atau telur beras dari negara Brazil, New Zealand, Perancis dan Australia bagi memastikan stok pengganti ayam penelur mencukupi.

(b) Jangka panjang

- (i) mengurangkan kebergantungan kepada sumber jagung import sebanyak 30% menjelang tahun 2032 menerusi inisiatif penanaman jagung bijian dalam negara;

SOALAN NO: 26

- (ii) menjalankan kajian bagi menghasilkan bahan mentah gantian dari sumber tempatan berdasarkan isirung sawit seperti PKC/PKE;
- (iii) melaksanakan kajian bagi makanan ternakan ayam berdasarkan sumber alternatif larva *Black Soldier Fly* (BSF) di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC); dan
- (iv) menawarkan pinjaman mudah melalui Agrobank sebanyak RM300 juta kepada penternak ayam melalui Dana Pembiayaan Agromakanan untuk membantu penternak mengatasi masalah modal pusingan kewangan yang terjejas akibat kenaikan kos pengeluaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk merancakkan kadar kemasukan pelajar ke institusi TVET dan apakah Kerajaan berhasrat untuk memperkasakan institusi TVET dengan mengawalkan umur kemasukan TVET pada umur 16 tahun selepas PT3.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Maklumat, dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman dan penerimaan masyarakat berhubung pendidikan dan latihan teknikal vokasional (TVET), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara berterusan menggiatkan program kesedaran dan jangkauan serta kempen bersama-sama pelbagai pihak untuk mempromosikan TVET sebagai pilihan utama. Antara strategi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. mempromosi kejayaan lepasan TVET KPM dalam bidang pekerjaan atau yang telah menjadi usahawan berpendapatan tinggi melalui pelbagai platform media sosial serta media cetak dan elektronik;
- ii. menguar-uarkan laluan artikulasi pengajian murid lepasan diploma TVET KPM ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Teknologi yang dilaksanakan oleh *Malaysian Technical University Network* (MTUN) dan Ijazah Sarjana Muda di universiti tempatan yang lain;
- iii. menyediakan program pengajian berteraskan *industry-led curriculum* yang menepati keperluan industri. Murid juga memperoleh pengalaman industri melalui *On-The-Job Training* (OJT) dalam tempoh pengajian;
- iv. menggalakkan tenaga pengajar dan murid TVET KPM berdaftar dengan *Malaysian Board of Technologists* (MBOT) bagi menaik taraf mereka sebagai juruteknik bertauliah dalam bidang masing-masing;
- v. mempromosikan kemenjadian dan kejayaan murid lepasan TVET KPM dalam peningkatan kebolehpasaran, pertandingan kemahiran dan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan

SOALAN NO : 27

- vi. meningkatkan kerjasama strategik antara KPM dan industri, institusi pendidikan serta badan profesional berfokuskan kepada pemindahan teknologi, kepakaran dan latihan kemahiran. Kerjasama strategik ini dimeterai melalui *Note of Understanding* (NoU) dan *Memorandum of Understanding* (MoU). Antara pihak yang terlibat ialah agensi awam dan swasta seperti Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (MAFI), *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Johor Petroleum Development Corporation (JPDC), *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM), *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC), McDonald's dan Shell Berhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TVET KPM ditawarkan kepada murid lepasan Tingkatan 3 seawal usia 16 tahun yang meminati bidang kemahiran tanpa mengira kaum dan latar belakang. Langkah ini adalah selari dengan amalan di negara maju yang memperkenalkan TVET seawal usia 16 tahun.

KPM yakin usaha yang telah dilaksanakan dapat memberi persepsi yang positif dalam kalangan masyarakat dan seterusnya memartabatkan pendidikan TVET.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA]
minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana Kementerian memantau dan menyelaras beban kerja guru agar tidak disibukkan dengan tugas pengkeranian atau mengemaskini data.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam usaha mencari penyelesaian terbaik dalam menjamin kesejahteraan guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menyemak semula tugas dan tanggungjawab guru dengan melaksanakan penambahbaikan ke atas fungsi pengurusan di sekolah melalui pewujudan Modul Tadbir Urus Sekolah (MySG) yang diperkenalkan pada tahun 2021. MySG menjelaskan dengan lebih terperinci empat komponen pengurusan sekolah, iaitu Pengurusan dan Pentadbiran, Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum.

Terkini, KPM telah bersetuju untuk melaksanakan tujuh langkah segera bagi memastikan isu beban tugas guru dapat ditangani seperti yang dimaklumkan dalam Kenyataan Media KPM: Pelaksanaan Langkah Segera Ke Arah Kesejahteraan Guru bertarikh 17 Februari 2023. Tujuh langkah tersebut adalah:

- i. memansuhkan sebarang bentuk pertandingan, sambutan atau majlis di semua peringkat yang tidak memberikan impak besar terhadap pembelajaran murid dan hanya menambahkan beban tugas guru;
- ii. mengurangkan kekerapan semakan elemen pengurusan sekolah Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang melibatkan guru kepada setahun sekali sahaja;
- iii. menetapkan waktu mengunci masuk rekod kehadiran murid yang lebih fleksibel kepada guru iaitu 12 tengah hari untuk sesi pagi dan 5 petang untuk sesi petang bagi mengelakkan kesesakan dalam sistem;

SOALAN NO : 28

- iv. pelantikan pengawas peperiksaan awam yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan (LP) dan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) terbuka kepada individu selain guru yang sedang berkhidmat seperti pesara kerajaan, pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut Pendidikan Tinggi (IPT) tetapi perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan;
- v. mengehadkan penganjuran sambutan Hari Guru Tahunan kepada peringkat kebangsaan dan sekolah sahaja;
- vi. menetapkan ringkasan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) di peringkat KPM bagi memastikan kembali memenuhi keperluan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.3/1999, yang merangkumi elemen objektif, pengajaran dan refleksi; dan
- vii. memperkuuh autonomi guru dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pentaksiran bilik darjah (PBD) dengan menjadikan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sebagai rujukan.

KPM melalui Jawatankuasa Mengkaji Beban Guru akan terus meneliti inisiatif yang boleh membantu meringankan beban tugas guru melalui perbincangan berterusan dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan Majlis Guru Besar (MGB).

KPM komited untuk memastikan kesejahteraan guru terjamin dan fokus utama mereka kepada pengajaran dan pembelajaran dapat dioptimumkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN (BANGI)

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan serta tarikh jangka siap dan pembukaan bagi lebuh raya East Klang Valley Expressway (EKVE) serta senarai kes-kes banjir kilat, banjir lumpur, hakisan tanah, pencemaran dan sebagainya yang telah dikenal pasti berpunca daripada kerja-kerja pembinaan EKVE bersama tindakan yang diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lebuhraya EKVE sehingga kini telah siap sebanyak 91% dan terhenti seketika pembinaan di tapak akibat isu kenaikan kos pembinaan. Akibatnya, pihak Syarikat Konsesi perlu mendapatkan dana kewangan tambahan bagi menanggung peningkatan kos yang terlibat dan ianya telah pun diselesaikan dengan pihak bank.

Kerja-kerja pembinaan lebuhraya dijangkakan bersambung semula pada pertengahan Februari 2023 selepas isu-isu kontraktual diselesaikan dan dijangkakan siap dan dibuka secara berperingkat bermula 2024.

Berdasarkan rekod, kejadian-kejadian luar jangka semakin berkurangan dan terkini pada tahun 2022, ianya hanya melibatkan tiga (3) kejadian limpahan air yang berlaku di kawasan *localise* sahaja iaitu di Sierra Ukay.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemantauan kerap juga akan dilaksanakan secara berterusan di sepanjang jajaran EKVE terutamanya dikawasan-kawasan *hotspot* yang dikenalpasti bagi memastikan keselamatan dan plan mitigasi dapat diaktifkan segera sekiranya berlaku sebarang kejadian kecemasan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam memperkasa kurikulum bersepadu di sekolah-sekolah di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan kurikulum yang digubal relevan dengan keadaan semasa serta memenuhi keperluan dan aspirasi negara serta tuntutan global. Falsafah Pendidikan Kebangsaan sentiasa dijadikan rujukan dalam proses penggubalan dan penyemakan kurikulum di semua peringkat persekolahan.

Untuk memperkasakan kurikulum bersepadu, KPM mengambil kira agenda pendidikan digital, revolusi perindustrian, pendidikan karakter dan kewarganegaraan global yang merupakan trend dalam pembangunan kurikulum. Selain itu, KPM turut memberi penekanan kepada aspek karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti demi hindari gejala negatif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara komponen utama kurikulum persekolahan adalah kandungan (ilmu pengetahuan) dan pedagogi. Semakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) and

SOALAN NO : 30

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) antara lain melibatkan kedua-dua komponen ini.

Dalam konteks kandungan (ilmu pengetahuan), semakan kandungan mata pelajaran dilaksana seiring dengan keperluan masa kini dan akan datang. Penilaian akan dibuat untuk menentukan tindakan susulan sama ada kandungan mata pelajaran tersebut perlu disusun semula, digugur, ditambah, dicantum, dicantas, diselaraskan atau dikekalkan. Dalam hal ini, analisis keperluan dapat dilaksana bagi menentukan perkembangan terkini bidang ilmu, kedalaman dan keluasan bidang ilmu serta keperluan bagi melaksanakan sesuatu kurikulum baharu.

Di samping itu, elemen pedagogi merupakan komponen penting untuk pengajaran yang berkesan dan seterusnya dapat menghasilkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang bermakna. Dapatan semakan dan penilaian kurikulum akan digunakan untuk mengenal pasti kaedah pedagogi terbaik dengan mengambil kira pendekatan yang bersesuaian mengikut tahap kognitif dan gaya pembelajaran murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesi libat urus bersama pihak berkepentingan sedang giat dijalankan bagi mendapatkan input dan maklumat tentang pelaksanaan kurikulum semasa. Hasil dapatan sesi libat urus tersebut akan dianalisis dengan terperinci bagi mengenal pasti serta melaksana tindakan susulan yang perlu dilakukan.

KPM yakin usaha yang dilakukan ini dapat memastikan kurikulum pendidikan sentiasa relevan dengan perkembangan pendidikan pada masa ini dan masa depan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status naik taraf atau bina baharu sekolah-sekolah daif di Parlimen Tanjong Manis. Berapakah jumlah sekolah yang telah dirancang untuk dinaik taraf atau bina baharu pada tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam menyediakan infrastruktur pendidikan yang selamat dan kondusif untuk kegunaan murid dan warga sekolah di seluruh negara termasuk negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh tahun 2016 sehingga 2022, sebanyak 361 projek menaik taraf dan membangunkan semula bangunan daif di sekolah seluruh Sarawak telah diluluskan dengan kos projek sebanyak RM2.157 bilion. Sehingga 31 Januari 2023, sebanyak 216 projek telah siap sepenuhnya, 57 projek berada di peringkat pembinaan dan 88 projek di peringkat prabina.

Khusus bagi Parlimen Tanjung Manis, sebanyak 14 buah projek menaik taraf dan membangunkan semula bangunan daif di sekolah telah diluluskan dari tahun 2018 sehingga 2022 dengan kos sebanyak RM68.943 juta. Sehingga 31 Januari 2023, 7 buah projek telah siap dibina dan 7 buah projek sedang berada dalam fasa pra bina.

KPM telah mengemukakan permohonan kepada agensi pusat cadangan projek menaik taraf bangunan yang daif di Sekolah Kebangsaan Orang Kaya Muda Pakeri, Daro dalam (RP3) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) *Rolling Plan* 3 tahun 2023. Manakala dalam RMKe-12 RP4 tahun 2024, KPM merancang untuk memohon projek menaik taraf 4 buah sekolah yang mempunyai bangunan daif di Parlimen Tanjung Manis iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Meradong, Sekolah Kebangsaan Mupong, Sekolah Kebangsaan Abang Amin dan Sekolah Kebangsaan Bayang, Daro. Walau bagaimanapun kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan agensi pusat serta kedudukan semasa kewangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan pelaksanaan sukanan pendidikan Islam dan pendidikan moral bagi membendung perbuatan jenayah dalam kalangan pelajar sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, teras kedua daripada 7 Teras Nadi Keunggulan KPM memberi penekanan kepada aspek karamah insaniah. Menerusi teras ini, fokus kepada pembentukan adab, akhlak dan integriti bagi melahirkan Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC) diberikan penekanan. Ini bertujuan untuk memastikan generasi waris masa depan mempunyai jati diri yang kukuh untuk menghadapi cabaran masa mendatang di samping mewujudkan suasana harmoni yang akan menghindari gejala negatif.

Penekanan kepada pembentukan akhlak dilaksanakan menerusi pendidikan sivik dalam lima mata pelajaran termasuk Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral di sekolah rendah dan menengah.

Untuk makluman Yang Berhormat, mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid

Islam yang belajar pada peringkat sekolah rendah dan menengah dalam sistem pendidikan negara.

Kurikulum Pendidikan Islam menekankan kefahaman dan penghayatan terhadap Islam dalam kehidupan individu dan keluarga melalui penguasaan bidang al-Quran, hadis, akidah, fiqah, sirah, akhlak Islamiyah dan kemahiran jawi. Bagi mengelakkan murid terlibat dalam jenayah tajuk khusus seperti Menjaga Maruah Diri, Adab Berjiran, Adab Berkommunikasi, Adab Bernegara, Memelihara Harta dan Nyawa, Menjaga Hubungan Antara Kaum dan Jenayah Dalam Islam dimasukkan dalam kurikulum Pendidikan Islam. Selain itu, keberkesanannya mata pelajaran Pendidikan Islam dipertingkatkan melalui amali solat, fardu ain, fardu kifayah dan program kerohanian.

Melalui kurikulum Pendidikan Moral pula, KPM telah mengambil beberapa pendekatan untuk melahirkan murid yang mempunyai peribadi yang kental dalam mengatasi dan membendung perbuatan jenayah dalam kalangan murid sekolah. Maka, kurikulum sekolah rendah dan menengah yang ada sekarang menjurus ke arah mencapai matlamat yang diinginkan dan dicapai oleh murid serta masih relevan dengan keadaan semasa.

Nilai-nilai seperti hormat, harga diri, rasional, toleransi, kasih sayang, mematuhi peraturan dan undang-undang serta hemah tinggi diajar kepada murid sebagai satu cara untuk menerapkan tingkah laku murid yang terpuji dan mempunyai nilai akidah yang tinggi serta memupuk sahsiah yang terpuji dalam kalangan murid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM]

TARIKH : 6 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapa jumlah kadar pemotongan belian padi yang terkini oleh BERNAS dan bagaimana bentuk pelaksanaan pemutuan padi dibuat setakat ini yang melibatkan pesawah, wakil pertubuhan peladang kawasan dan BERNAS sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata kadar pemutuan secara keseluruhan oleh Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) pada tahun 2022 adalah sebanyak 22 peratus yang mana kadar pemutuan bagi pesawah ialah 22.1 peratus, manakala pelesen atau Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) ialah 21.6 peratus.

Sebagai makluman, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah memperkenalkan kaedah pemutuan sebenar dengan membangunkan prosedur operasi standard (SOP) dengan kerjasama Institut Piaawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM). Kaedah ini mensyaratkan padi yang dijual di kilang sama ada di BERNAS atau di kilang swasta perlu mengasingkan tiga komponen utama iaitu wap basah, benda asing dan padi muda atau rosak. Ini bagi memastikan padi yang dijual adalah padi bersih serta dapat mengelakkan pembaziran dan ketirisan perbelanjaan Kerajaan dalam pembayaran subsidi output di bawah Skim Subsidi Harga Padi.

Selain itu, pelaksanaan proses timbangan padi dan pemutuan sebenar hendaklah disaksikan oleh tiga (3) pihak iaitu pesawah, BERNAS dan PPK bagi memastikan ketelusan proses penilaian. Walau bagaimanapun, pelaksanaan perkara ini bergantung kepada kerelaan pesawah sendiri untuk hadir semasa proses tersebut dilaksanakan.

Kementerian juga dari semasa ke semasa melaksanakan pemeriksaan ke kilang-kilang padi secara berkala bagi memastikan SOP pemutuan sebenar padi dilaksanakan di semua kilang bagi memastikan tiada unsur penipuan dilakukan ketika proses penjualan padi berlangsung.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]

TARIKH : 6 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah jangka masa untuk Kementerian dalam melaksanakan projek penyambungan talian grid elektrik untuk setiap sekolah di kawasan pedalaman di Parlimen Julau yang telah mempunyai akses dengan bekalan sumber tenaga tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPM sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk mengenal pasti sekolah luar bandar yang boleh disambungkan ke grid bekalan elektrik utama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, sebanyak sembilan buah sekolah di kawasan Parlimen Julau telah siap disambungkan ke grid bekalan elektrik utama manakala 13 buah sekolah masih belum disambungkan ke talian grid elektrik kerana pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) dan JKR perlu memastikan pendawaian semula bangunan sekolah dilaksanakan terlebih dahulu sebelum disambungkan kepada grid bekalan elektrik utama.

Sehubungan dengan itu, baki 13 buah sekolah di kawasan Parlimen Julau dijadual akan selesai penyambungan pada bulan Mac 2023 kerana kerja-kerja pendawaian dan ketersediaan infrastruktur di sekolah tersebut telah siap dilaksanakan.

KPM sentiasa komited terhadap keperluan penyediaan kemudahan asas bagi menjamin keselamatan dan keselesaan murid serta warga pendidik di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]**

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah silibus Sijil Peperiksaan Bersama (Unified Examination Certificate, UEC) menepati Dasar Pendidikan Negara dan apakah pendirian Kerajaan mengenai status pengiktirafan sijil ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada perancangan untuk mengiktiraf *Unified Examination Certificate* (UEC) yang dilaksanakan di sekolah menengah persendirian Cina (SMPC). Pendirian ini berlandaskan kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan dan peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha keras Kerajaan dalam menangani masalah kekurangan minat pelajar bangsa Melayu dalam pembelajaran aliran Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk membangunkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk menyertai aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Usaha yang sedang dijalankan ini memberi manfaat kepada semua murid tanpa mengira bangsa.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Langkah yang telah diambil dalam Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM termasuklah:

- i. meningkatkan minat murid melalui pendekatan pembelajaran yang baharu dan pemantapan kurikulum seperti pembelajaran berdasarkan inkuiri, projek, penyelesaian masalah dan antara disiplin yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT);
- ii. meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru bidang STEM;
- iii. meningkatkan kesedaran terhadap STEM dalam kalangan murid, ibu bapa dan orang awam; dan
- iv. menambah baik serta menaik taraf kemudahan dan infrastruktur untuk proses PdP STEM.

Antara program dan kempen yang telah diadakan secara berterusan adalah:

- i. Kempen STEM for All (STEM4ALL);
- ii. Program STEM *Hackathon*;
- iii. Kolokium Pendidikan STEM;
- iv. Sambutan Hari Sains Sedunia untuk Keamanan dan Pembangunan (*World Science Day for Peace and Development*); dan
- v. Sambutan Hari Matematik Sedunia.

SOALAN NO : 36

KPM turut menjalankan kerjasama dengan agensi kerajaan lain, seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dan sektor swasta bagi melaksanakan kempen kesedaran melalui penganjuran Minggu Sains Negara dan Malaysia Techlympics.

Selain itu, KPM terus mempertingkatkan kompetensi guru bidang STEM dengan memperkenalkan Pendidikan Sains Berasaskan Inkiri (IBSE) dan Pembelajaran Matematik Secara Inkiri (IBME) seperti yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Kaedah pembelajaran secara inkiri menjadikan murid lebih seronok untuk belajar dan dapat mengaplikasi ilmu yang dipelajari dalam kehidupan sebenar lantas menjadikan pendidikan lebih bermakna untuk mereka. Guru yang terlibat dalam program ini terdiri daripada guru sekolah rendah dan menengah dari semua daerah di seluruh negara.

KPM juga sedang bekerjasama dengan Yayasan Petronas (YP) untuk melaksanakan Program Duta Guru YP-KPM. Menjelang 2030, Program Duta Guru akan memperkasakan 4,500 orang guru STEM yang berkompetensi tinggi untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) murid.

KPM komited untuk meningkatkan minat murid dalam STEM bagi menyediakan bakat STEM yang mencukupi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA

TARIKH : 6 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah Kementerian memerangi kewujudan kartel padi yang membelenggu para pesawah dalam kitaran kemiskinan sejak sekian lama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa perihatin mengenai perkara ini dan berusaha untuk memerangi peranan orang tengah yang mengambil kesempatan keatas pesawah-pesawah.

Kementerian melalui Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras sentiasa mengawal aktiviti urusniaga padi di pasaran melalui pengeluaran beberapa jenis lesen seperti lesen runcit, lesen borong, lesen import, lesen eksport, lesen membeli padi dan lesen kilang padi. Lesen-lesen ini hanya akan diberikan kepada syarikat yang berkelayakan seperti mempunyai kapasiti sahaja dan ini secara tidak langsung mengurangkan bilangan orang tengah dalam pasaran. Ini sekaligus mengelakkan manipulasi orang tengah terutamanya dalam aspek penetapan harga.

SOALAN NO: 37

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan peranan orang tengah antaranya ialah:

- I. Menubuhkan pusat belian padi yang berlesen bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai kilang padi. Pusat belian padi ini memudahkan pesawah untuk menjual padi mereka bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai kilang padi.
- II. Menyeragamkan kadar minima harga belian padi pada kadar RM1,200 per tan metrik. Pengilang-pengilang dibenarkan untuk membeli padi dengan harga melebihi RM1,200 per tan metrik tertakluk kepada keupayaan kilang dan kualiti padi yang dihasilkan.
- III. Pesawah dibenarkan untuk menjual hasil padi mereka terus ke kilang-kilang padi berdekatan atau pusat pembelian padi yang berdaftar tanpa melalui orang tengah.
- IV. Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) merupakan kerjasama strategik antara pesawah dan syarikat peneraju di mana dengan program ini dapat meningkatkan hasil tanaman padi sekaligus pendapatan pesawah

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 6 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN menyatakan :**

- (a) sebab-sebab kekurangan bekalan dan harga tinggi ayam dan telur dan langkah-langkah yang diambil untuk jangka pendek dan jangka panjang bagi menyelesaikan masalah; dan
- (b) langkah-langkah untuk menghapuskan *Approved Permits* (AP) dan kuasa kartel yang mempengaruhi harga produk makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan ayam dan telur dalam negara telah mulai stabil. Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan bekalan pada tahun 2022 disebabkan faktor-faktor berikut:

- (i) pengurangan pengeluaran ayam oleh pihak industri bagi mengelakkan kerugian;
- (ii) kekurangan pekerja asing;
- (iii) modal kerja penternak terjejas akibat kekurangan permintaan ayam dan telur sepanjang tempoh pandemik COVID-19; dan
- (iv) perubahan cuaca yang tidak menentu serta penularan wabak penyakit berjangkit seperti sampar ayam (*Newcastle Disease*) dan selsema burung (*Highly Pathogenic Avian Influenza – HPAI*).

Bagi memastikan bekalan ayam dan telur mencukupi dan dijual pada kadar harga yang berpatutan, Kerajaan telah melaksanakan beberapa tindakan jangka pendek dan jangka panjang menerusi inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- (a) Jangka pendek
 - (i) memberi subsidi kepada penternak ayam pedaging dan ayam penelur untuk membantu mengatasi kenaikan kos pengeluaran, mulai 5 Februari 2022 hingga 31 Disember 2022. Sehingga 14 Februari 2023, sebanyak 18,880 permohonan bernilai RM1.69 bilion subsidi telah diluluskan kepada penternak;
 - (ii) membenarkan pengimportan telur dari luar negara mulai Disember 2022;
 - (iii) membenarkan pengimportan anak ayam (*Day Old Chick – DOC*) atau telur beras dari negara Brazil, New Zealand,

Perancis dan Australia bagi memastikan stok pengganti ayam penelur mencukupi.

(b) Jangka panjang

- (i) mengurangkan kebergantungan kepada sumber jagung import sebanyak 30% menjelang tahun 2032 menerusi inisiatif penanaman jagung bijian dalam negara;
- (ii) menjalankan kajian bagi menghasilkan bahan mentah gantian dari sumber tempatan berdasarkan isirung sawit seperti PKC/PKE;
- (iii) melaksanakan kajian bagi makanan ternakan ayam berdasarkan sumber alternatif larva *Black Soldier Fly* (BSF) di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC); dan
- (iv) menawarkan bantuan khidmat nasihat dan bimbingan teknikal dari segi pengawalan penyakit dan pengurusan ladang yang baik.

Approved Permit (AP) bagi keratan ayam, ayam bulat dan susu cair telah dimansuhkan berkuatkuasa mulai 18 Mei 2022. Pengimport hanya perlu mendaftar dan memohon Permit Import (IP) bagi tujuan kawalan biosekuriti di pintu-pintu masuk negara untuk memastikan produk yang diimport adalah bebas dari penyakit dan perosak serta diperoleh daripada loji atau sumber yang diiktiraf oleh kerajaan. Dengan pemansuhan AP ini, tiada lagi sekatan dari segi kuantiti (*volume*) import dan pengimportan boleh dilakukan berdasarkan permintaan pasaran.

Harga produk makanan adalah di bawah fungsi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 6 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha-usaha yang telah dilakukan dalam tempoh 5 tahun bagi mengurangkan kebergantungan terhadap daging import dan apakah cabaran yang dihadapi termasuk menghapuskan kartel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengurangkan tahap kebergantungan kepada daging import, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menggalakkan pembangunan industri lembu tempatan melalui inisiatif berikut:

- (i) meningkatkan bilangan induk pembiak yang produktif;
- (ii) menggalakkan penglibatan penternak tenusu dalam pengeluaran daging melalui kaedah *Beef in Dairy Line*;
- (iii) meningkatkan pengeluaran lembu fidlot melalui pengekalan dan pengukuhan kawasan pengeluaran lembu fidlot;
- (iv) melibatkan penternak muda/ belia dalam bidang penternakan lembu pedaging;
- (v) menggalakkan pengusaha atau penternak tempatan untuk menanam makanan ternakan;
- (vi) menggalakkan penternak menghasilkan lembu pedaging kacukan;
- (vii) meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan *artificial insemination* (AI) di lapangan; dan
- (viii) meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan serta capaian kepada perkhidmatan teknikal veterinar.

Cabaran yang dihadapi oleh DVS bagi mengurangkan kebergantungan import adalah seperti berikut:

SOALAN NO: 39

- (i) populasi asas ternakan yang masih rendah dan tidak mencukupi bagi menampung keperluan disebabkan kadar ekstraksi (*extraction rate*) yang tinggi dan tidak selari dengan pertambahan populasi penduduk bagi tujuan meningkatkan permintaan daging;
- (ii) kos melaksanakan perniagaan bidang usaha ternakan yang meningkat;
- (iii) kawasan khusus bagi menjalankan aktiviti penternakan ruminan dan pembangunan makanan ternakan adalah sangat terhad;
- (iv) kekurangan sumber makanan ternakan tempatan yang berkualiti dengan harga yang kompetitif. Penternak perlu membeli PKE/PKC pada harga eksport;
- (v) kesukaran memperoleh tenaga kerja yang mahir dan kompeten;
- (vi) ancaman penyakit seperti Penyakit Kuku dan Mulut (FMD), *Lumpy Skin Disease* (LSD) dan penyakit lain; dan
- (vii) persaingan permintaan daging segar dengan daging kerbau sejuk beku import.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 6 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan definisi Tanah Terbiar: Tanah darat atau tanah sawah yang berkeluasan minima 0.4 hektar ke atas sama ada bersambungan atau bertaburan yang merupakan tanah milik yang tidak diusahakan selama tiga tahun berturut-turut:

- a) Dari siapakah pemilik tanah atau usahawan boleh mendapatkan maklumat kesesuaian tanaman bagi tanah terbiar yang ingin dimajukan. Adakah sebarang bayaran dicaj untuk khidmat ini; dan
- b) Daripada jumlah sebanyak 30,000 ha tanah wakaf, hanya 12% yang berjaya diusahakan. Perkara seperti ini merupakan pembaziran sumber yang merugikan negara. Apakah rancangan pembangunan pertanian di tanah lombong sebanyak 30,000 ha.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Pertanian menyediakan perkhidmatan penyiasatan tanah bagi mengetahui kesesuaian tanaman mengikut tanah. Pemilik tanah dan usahawan yang berminat untuk mendapatkan maklumat kesesuaian tanaman bagi tanah terbiar yang ingin dimajukan, boleh berhubung dengan Pejabat Pertanian Daerah terdekat atau Unit Pengurusan Sumber Tanah, Jabatan Pertanian di setiap Negeri untuk mendapatkan maklumat berkaitan.

Bagi perkhidmatan penyiasatan tanah, terdapat bayaran dikenakan mengikut Akta Fi (Fees Act 1951 : Fees (Soil inspection) (Amendment) Order 1995). Caj pemprosesan yang dikenakan bagi setiap permohonan adalah RM120.00 dan caj perkhidmatan sehektar bagi pengesahan kawasan hutan/belukar RM1.50 per hektar. Manakala bagi kawasan yang telah dibuka, caj perkhidmatan sehektar ialah RM1.00 per hektar.

Untuk makluman, tiada rancangan pembangunan yang spesifik di tanah lombong kerana faktor penanaman yang memerlukan kos yang tinggi dari segi pemuliharaan dan pengurusan tanah kerana tanah tersebut mempunyai kualiti tanah yang rendah disamping mempunyai risiko tercemar dengan bahan toksik.

Bidang kuasa berkaitan hal ehwal pentadbiran tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan KPKM melalui Jabatan dan Agensi bersedia memberi bantuan teknikal sekiranya ada pengusaha-pengusaha yang hendak membangunkan kawasan-kawasan lombong dengan aktiviti-aktiviti pertanian yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NURUL AMIN BIN HAMID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 6 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha dan perancangan Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan Tasik Pedu di Kedah sebagai destinasi hab pelancongan.

JAWAPAN

**YB DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tasik Pedu, tasik buatan manusia terbesar di Kedah merupakan antara permata tersembunyi (*hidden gem*) yang menarik dan mempunyai pelbagai khazanah alam yang unik dan mempesona untuk diterokai oleh pelancong rekreasi di dalam dan luar negara. Antara aktiviti rekreasi menarik yang boleh dilakukan adalah seperti menikmati alam semula jadi, menaiki bot ke Pulau Pedu, memancing dan menginap di rumah bot. Tambahan pula, berdekatan tasik ini, terdapat beberapa lokasi menarik yang boleh dikunjungi oleh pelancong seperti Jeram Tok Din, Pengkalan Tok Mas, Madu Tualang, Hutan

Lipur Puncak Janing, Kilang Gula, Kedah Rubber City dan Semeliang Agro Farm (ternakan rusa).

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menyalurkan sebanyak RM4.18 juta bagi tiga belas (13) projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur pelancongan di negeri Kedah di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM20,000 telah disalurkan ke Majlis Daerah Padang Terap bagi projek Pembaikan Tandas Dewan Utama Di Homestay D'belimbing, Padang Terap di bawah peruntukan Pemerkasaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan bagi Kerja-kerja Pemulihan, Pemuliharaan, Ubah Suai dan Naik Taraf (PPUN) pada tahun 2022.
3. Selain itu, MOTAC menerusi Tourism Malaysia juga bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) bagi mempromosikan agro pelancongan. Antara program yang dilaksanakan adalah menyampaikan taklimat berkaitan pembangunan pakej di Kursus Pengendalian Pakej Agro Pelancongan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Tahun 2022 di Sungai Petani, Kedah pada 8 sehingga 10 November 2022 yang dihadiri oleh seramai 25 pengusaha produk di bawah MADA.
4. Semasa taklimat tersebut, para peserta turut diberikan maklumat berkaitan platform promosi produk dan pakej pelancongan yang disediakan oleh Tourism Malaysia antaranya melalui menu “*Deals & Packages*” pada laman sesawang www.malaysia.travel. Kesinambungan sesi ini, satu program pembangunan pakej sedang dirancang yang turut melibatkan tarikan pelancongan *houseboat* Tasik Pedu termasuk segmen agro pelancongan. Agensi pelancongan dan media terpilih dari beberapa negeri akan dijemput untuk membangunkan pakej dan memperluas liputan dalam usaha mempromosikan tarikan pelancongan di Tasik Pedu. Sebagai salah satu usaha berterusan untuk mempromosikan pelancongan tasik, Tourism Malaysia akan mengadakan satu majlis pelancaran pakej *houseboat* Malaysia untuk mempromosikan Tasik Pedu, Tasik Kenyir dan Taman Negeri Royal Belum. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Puncak Borneo dan apakah status sekolah-sekolah daif dan usang di kawasan Parlimen Puncak Borneo.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi dan berada dalam keadaan baik dan kondusif agar menjamin keselamatan dan keselesaan warga sekolah, termasuklah di kawasan Parlimen Puncak Borneo.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengemukakan permohonan projek perolehan tanah bagi tujuan pembinaan sekolah baharu Sekolah Menengah Kebangsaan Puncak Borneo dalam Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan 3 Tahun 2023*. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan agensi pusat serta kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Berdasarkan data KPM, bilangan sekolah yang mempunyai bangunan daif di Parlimen Puncak Borneo adalah sebanyak sembilan buah yang terdiri daripada lima buah sekolah berskala 6 dan empat buah sekolah berskala 7. Permohonan projek pembangunan semula (gantian) atau menaik taraf bangunan yang daif ini akan dikemukakan secara berfasa kepada pihak agensi pusat untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak lapan projek menaik taraf dan membangunkan semula bangunan daif di sekolah-sekolah dalam Parlimen Puncak Borneo telah diluluskan di antara tahun 2017 hingga 2021 dengan kos peruntukan berjumlah RM22.83 juta. Daripada lapan projek tersebut, lima projek telah siap sepenuhnya; satu projek di peringkat pembinaan iaitu di SK Kambug; dan dua projek di peringkat pra bina iaitu di SK Sebanban dan SK Sitang Petag.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. RICHARD RAPU @ AMAN
ANAK BEGRI (BETONG)**

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan :

- (a) apakah usaha Kementerian dalam meneliti aspek kualiti jalan di Malaysia yang dilihat mempunyai banyak masalah seperti berlubang, tidak rata dan tampalan tidak sempurna; dan
- (b) sejauh manakah Kementerian melaksanakan pemantauan terhadap standard turapan jalan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam usaha untuk meningkatkan kualiti jalan di Malaysia terutama bagi aset seliaan Kementerian ini iaitu Jalan Persekutuan. Dalam usaha untuk memastikan pelaksanaan dan pemantauan yang berkesan, Sistem Aplikasi Pemantauan *Potholes* (ASaPP) telah dibangunkan bagi memantau status kerja penampalan *potholes* secara atas talian melalui penggunaan aplikasi di telefon bimbit, tablet dan komputer bagi Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia manakala bagi

Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mengguna pakai sistem tersendiri yang dipantau oleh JKR Negeri masing-masing.

Bermula Januari sehingga Disember 2022, Kementerian ini telah berjaya menampal sebanyak **7,700** bilangan *potholes* di Semenanjung Malaysia manakala bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pula adalah sebanyak **56,553** bilangan *potholes*. Keseluruhan *potholes* tersebut telah berjaya ditampal dalam tempoh 24 jam bagi Semenanjung Malaysia manakala bagi Sabah, Sarawak dan WP Labuan hanya **431** *pothole* tidak dapat ditampal dalam tempoh 24 jam dengan peratusan pencapaian adalah sebanyak **99.24**. Inisiatif Program Aku Janji Zero Potholes telah dilaksanakan mulai 3 Julai 2020 di antara pihak Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya dan Syarikat Konsesi Jalan Persekutuan bagi memantau kerosakan jalan raya dan memperkuuhkan komitmen Kementerian Kerja Raya terhadap penyampaian perkhidmatan penyenggaraan Jalan Persekutuan.

Kementerian sentiasa bekerjasama dengan pemain industri dalam usaha meneroka ruang baharu dalam teknologi penyenggaraan jalan selain meningkatkan sistem penyampaian maklumat yang berkaitan. Pelbagai kajian serta pengunaan teknologi baharu di dalam pelaksanaan kerja turapan jalan seperti penggunaan getah, fiber, polimer dan sebagainya dipergiatkan dalam usaha meningkatkan jangka hayat jalan raya. Kementerian yakin dengan penggunaan teknologi baharu bagi kerja-kerja turapan jalan, ia dapat meningkatkan lagi ketahanan struktur jalan raya di Malaysia seterusnya memberi keselesaan dan keselamatan kepada semua pengguna jalan raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa melaksanakan pemantauan terhadap standard turapan jalan di Jalan Persekutuan. Pemantauan terhadap kualiti kerja ini dibuat sebelum, semasa, dan selepas kerja-kerja turapan jalan. Sebelum kerja-kerja turapan jalan bermula, kualiti bahan pembinaan utama iaitu asphalt akan dipastikan menepati piawaian yang ditetapkan, Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah pelaksanaan Audit Pengiktirafan Loji Pengeluaran Asfalt di seluruh Semenanjung Malaysia. Audit ini dilaksanakan bagi memastikan pihak loji membekalkan asphalt yang berkualiti dan mematuhi

spesifikasi yang telah ditetapkan. Hanya loji yang mendapat pengiktirafan sahaja yang dibenarkan untuk membekalkan asphalt bagi kerja-kerja penurapan Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri di Semenanjung Malaysia.

Semasa kerja-kerja turapan berjalan, wakil daripada JKR Bahagian/Daerah telah ditugaskan untuk melaksanakan pemantauan di tapak. Pemantauan dibuat agar kerja-kerja yang berjalan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Senggara Jalan yang telah ditetapkan. Selepas kerja-kerja turapan siap, JKR akan melaksanakan ujian-ujian serta audit yang telah ditetapkan. Pada masa kini, JKR telah mula menggunakan teknologi baharu iaitu Ujian Tanpa Musnah (*Non Destructive Test*) di beberapa lokasi pembaikan dan lokasi penampalan pothole bagi memastikan kualiti mampatan turapan yang telah dilaksanakan. Dengan menggunakan kaedah ini, kualiti mampatan turapan dapat dipantau secara terus ditapak dan tidak perlu mengambil sampel ujian untuk dibawa ke makmal.

Sebagai makluman tambahan, satu *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi penyenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan WP Labuan telah dibangun dan dikuatkuasakan pelaksanaannya pada 25 November 2022 oleh Kementerian ini. SOP ini adalah merupakan dokumen terkawal dan dokumen kerja standard yang perlu dirujuk dan diguna pakai oleh Pegawai Operasi Penyenggaraan Jalan Persekutuan agar pelaksanaan kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan lebih sistematik, seragam dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA :

TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]

TARIKH :

06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai dengan terperinci penerima-penerima ataupun syarikat-syarikat daripada RM92.5 bilion dana Kerajaan dalam pakej rangsangan ekonomi ketika COVID19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Mengambil kira situasi penularan wabak COVID-19 yang memberi kesan ke atas ekonomi negara, Kerajaan memperuntukkan suntikan fiskal berjumlah RM92.5 bilion untuk membiayai sebanyak 8 (lapan) pakej rangsangan ekonomi bagi memastikan limpahan ekonomi daripada projek/program di bawah pakej berkenaan dapat dinikmati oleh rakyat yang mana pelaksanaannya telah melalui semakan tatacara perolehan Kerajaan dan tawaran dibuat secara tender terbuka.

Bagi membantu meringankan beban rakyat Malaysia, Kerajaan memperkenalkan Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) berjumlah RM26.25 bilion manakala bagi usahawan pula Kerajaan memperuntukkan Prihatin PKS berjumlah RM10 bilion yang mana peruntukan ini disalurkan melalui Geran Prihatin Khas (GPK) berjumlah RM2.1 bilion dan selebihnya kepada Program Subsidi Upah bernilai RM7.9 bilion.

Bagi membendung penularan wabak COVID-19, Kerajaan memperluaskan inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dengan peruntukan sebanyak RM14.703 bilion dan Kerangka Inisiatif Tambahan Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin Rakyat (KITA PRIHATIN) berjumlah RM10 bilion yang menyasarkan golongan B40, M40, pekerja dalam pelbagai bidang dan peniaga mikro.

Selain itu, Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat (PERMAI) telah diperuntukkan dana berjumlah RM10.9 bilion, Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) berjumlah RM8.206 bilion, Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi tambahan (PEMERKASA+) berjumlah RM6 bilion dan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) berjumlah RM6.441 bilion.

NO SOALAN :44

Kesemua pakej ransangan ini dilaksanakan bagi memastikan kehidupan dan kebajikan rakyat sentiasa terbela. Pakej-pakej ransangan ini tidak hanya membantu meringankan beban kewangan isi rumah tetapi turut merangsang perbelanjaan domestik bagi menggalakkan perniagaan tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA
(TAMPIN)**

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk menaik taraf Jalan Tampin - Gemas bagi menjamin keselamatan dan keselesaan para pengguna yang menggunakan jalan tersebut, khususnya penduduk setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perancangan asal, cadangan projek Naik Taraf Jalan Gemas – Tampin adalah sebahagian daripada cadangan Menaiktaraf Jalan Senawang - Gemas, Laluan 1, melalui Rembau - Tampin - Gemencheh - Gemas ke sempadan Negeri Sembilan dan Negeri Johor. Ia termasuk di dalam Pakej 3 : Tampin – Gemencheh sepanjang 22km dan Pakej 4 : Gemencheh – Gemas sepanjang 32km.

Kementerian ini pernah mengangkat permohonan projek tersebut di dalam *Rolling Plan 1* (RP1), RMKe-11. Namun demikian, permohonan tersebut tidak mendapat kelulusan daripada Agensi Pusat pada tempoh tersebut.

Manakala bagi RMKe-12, cadangan projek ini tiada dalam senarai keutamaan projek yang diterima daripada Negeri Sembilan. Kementerian ini akan meneliti semula projek ini sekiranya dimohon oleh Negeri Sembilan untuk *Rolling Plan* RMKe-12 yang akan datang dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk diangkat kepada Agensi Pusat jika memenuhi keperluan teknikal untuk dinaiktaraf.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI AMINUDDIN BIN HARUN
(PORT DICKSON)**

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan yang banyak berlubang terutama di laluan Sepang ke Lukut di Negeri Sembilan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat tiga (3) skop utama kerja – kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan sepanjang tahun terdiri daripada penyenggaraan rutin, penyenggaraan berkala dan kerja-kerja kecemasan.

Pihak syarikat konsesi bertanggungjawab melaksanakan kerja penyenggaraan rutin iaitu skop kerja penyenggaraan pavemen, penyenggaraan bahu jalan, potong rumput, perabot jalan, mencuci jambatan dan pembetung, mencuci longkang serta pemeriksaan rutin.

Selain itu, Syarikat konsesi juga bertanggungjawab melaksanakan kerja penyenggaraan berkala pavemen dan bukan pavemen yang dilaksanakan secara Arahan Kerja (AK) berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Pihak syarikat turut dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kerja kecemasan dengan membuat tindakan segera jika berlaku kejadian di luar jangka.

Sebagai contoh, kerja membersihkan jalan setelah kejadian tanah runtuh, menyediakan pelan pengurusan trafik atau *Traffic Management Plan (TMP)* dan menyediakan laluan sementara bagi membolehkan jalan dilalui oleh kenderaan. Pihak JKR dan syarikat konsesi akan mengambil tindakan dalam tempoh kurang 24 jam mengikut skala kecemasan yang telah dinyatakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Persekutuan Sepang ke Lukut di Negeri Sembilan yang dimaksudkan adalah Jalan FT005. Semenjak 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2022, Kementerian telah melaksanakan **kerja penyenggaraan Rutin sehingga Disember 2022 bernilai RM4.36 juta, Berkala Pavemen RM4.24 juta dan Berkala Bukan Pavemen RM0.09 juta dengan nilai keseluruhan berjumlah sebanyak RM8.69 juta.**

Kementerian Kerja Raya sentiasa menyediakan program penyenggaraan Jalan Persekutuan di bawah program penyenggaraan berkala. Namun demikian, pelaksanaan program penyenggaraan berkala ini adalah tertakluk kepada had peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan tahap kerosakan keseluruhan jaringan jalan persekutuan.

Kementerian Kerja Raya Malaysia melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan infrastruktur jalan raya dalam keadaan selamat dan selesa kepada semua pengguna jalan raya dengan melaksanakan kerja – kerja penyenggaraan jalan ini sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]
TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesediaan untuk merangka dan perkenal satu sistem percukaian baharu serta langkah-langkah fiskal yang mapan, bagi memperkuuh pendapatan cukai serta kedudukan kewangan atau fiskal negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif dan kajian dijalankan secara berterusan oleh Kerajaan dalam meneliti secara menyeluruh suatu sistem percukaian yang seimbang, adil dan saksama bagi menyokong dan meningkatkan kutipan hasil cukai negara. Kajian ini turut melibatkan usaha meneroka dengan merujuk kepada sistem percukaian pelbagai negara bagi menggubal dasar dan memperkenalkan cukai-cukai baharu yang efektif yang menyumbang kepada pertambahan hasil negara. Melalui hasil tambahan ini, pelbagai aktiviti atau program khusus untuk membantu golongan sasar yang terjejas kehidupan mereka akibat peningkatan kos sara hidup dapat dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada tahun kebelakangan ini Kerajaan telah pun melaksanakan beberapa inisiatif cukai untuk meningkatkan hasil. Sebagai contoh, pengenaan cukai ke atas pendapatan pemastautin yang dibawa balik ke Malaysia dan pengenaan Cukai Makmur iaitu cukai secara *one-off* ke atas syarikat dengan pendapatan bercukai melebihi RM100 juta bagi tahun taksiran 2022 sahaja. Manakala, di dalam pengumuman Belanjawan 2023 baru-baru ini, Kerajaan telah mengumumkan kajian akan dibuat bagi melaksanakan Cukai Keuntungan Modal bagi pelupusan saham tidak tersenarai pada tahun 2024 serta memperkenalkan Cukai Barang Mewah.

Kerajaan akan terus mengadakan libat urus bagi mengambil kira pandangan dan maklumbalas pelbagai pihak berkepentingan mengenai kesan pelaksanaan langkah meningkatkan hasil cukai supaya tidak menjelaskan kedudukan ekonomi dan daya saing negara untuk menarik pelaburan asing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]
TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)**

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima dan peruntukan yang telah dibelanja bagi Skim Geran Pendigitalan PKS mengikut sektor penerima.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif Pendigitalan Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan geran inisiatif yang disediakan bagi membantu PKS untuk menggunakan perkhidmatan digital dalam operasi perniagaan harian. Bagi meningkatkan penggunaan digital dalam kalangan PKS, Kerajaan melalui Bajet 2022 telah memperuntukkan RM150 juta di mana Kerajaan menyediakan geran padanan berjumlah 50% atau maksimum RM5,000 bagi setiap PKS yang layak bagi langganan perkhidmatan pendigitalan untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti perniagaan.

Geran padanan ini disediakan oleh Kerajaan untuk tempoh lima (5) tahun dan terhad untuk satu (1) permohonan sahaja bagi setiap PKS. Walau bagaimanapun, PKS yang layak dibenarkan untuk memohon sehingga tiga (3) jenis perkhidmatan digital dengan satu (1) atau lebih pembekal perkhidmatan pendigitalan berdaftar dengan MDEC seperti berikut:

- (i) Pertama, Sistem *Electronic Point of Sale* (e-Pos);
- (ii) Kedua, Sistem Penggajian Sumber Manusia / *Customer Relationship Management*;

- (iii) Ketiga, Pemasaran Digital / Jualan;
- (iv) Keempat, Perolehan;
- (v) Kelima, *Enterprise Resource Planning (ERP)* / Perakaunan dan Cukai;
- (vi) Keenam, Penyediaan Kerja Jarak Jauh (*remote working*); dan
- (vii) Terakhir, e-dagang.

Sehingga 31 Disember 2022, peruntukan sebanyak RM150 juta bagi Geran Pendigitalan ini telah disalurkan sepenuhnya kepada lima (5) Agensi Pelaksana yang terdiri daripada BSN dan empat (4) syarikat perkhidmatan Telekomunikasi iaitu TM, Maxis, Digi dan Celcom. Geran ini telah memanfaatkan 86,108 PKS tempatan dengan sektor Perdagangan, Penjual Semula dan Pengedaran (*Trading, Reseller and Distribution*) merupakan sektor penyumbang utama bagi penerima geran ini iaitu sebanyak 27.4 peratus, diikuti sektor Perkhidmatan dan Perkhidmatan Profesional (*Services and Professional Services*) iaitu 20.9 peratus dan seterusnya 14.6 peratus daripada sektor Peruncitan serta Makanan dan Minuman (*Retail and F&B*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 6 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi menangani kesan perubahan iklim dalam memastikan bekalan agromakanan negara tidak terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam usaha menangani cabaran perubahan iklim, KPKM melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 antara lain, sedang mempergiatkan aktiviti pertanian mampan yang mesra alam dan berdaya tahan terhadap iklim bagi meminimumkan impak perubahan iklim terhadap sektor agromakanan melalui tiga ciri utama iaitu kemampunan, berdaya tahan dan berpacukan kemajuan teknologi. Ini termasuk memperluaskan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk meningkatkan pengeluaran makanan dengan kaedah teknologi berasaskan iklim (*climate-based technology*).

Secara khususnya, KPKM telah dan sedang mengambil strategi-strategi berikut bagi menangani kesan perubahan iklim:

- a. **menggalakkan penggunaan teknologi berasaskan iklim (*climate-based technology*) dan automasi** termasuk pendekatan pertanian pintar iklim dengan mewujudkan ekosistem yang kondusif untuk industri. Antara teknologi berasaskan iklim yang sedia ada adalah penanaman dalam persekitaran terkawal (*Controlled Environment Farming*) seperti kilang tanaman (*plant factory*);
- c. **mempergiatkan aktiviti Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I)** dalam amalan pertanian alternatif yang berpotensi untuk meningkatkan pengeluaran tanaman yang dapat beradaptasi dengan perubahan iklim seperti varieti padi MR 297 berpotensi ditanam dalam keadaan air yang lebih minima manakala varieti MRQ 76 mempunyai pencirian tahan kemarau. Antara penyelidikan yang sedang dilaksanakan adalah pembangunan varieti padi yang tahan kemarau dan banjir serta kajian pembangunan baka

- akuakultur yang mempunyai daya tahan kepada perubahan cuaca;
- c. **penyediaan kemudahan bekalan air paip dan sistem tangki sebagai sumber air utama** di kawasan penternakan untuk kegunaan kandang dan siraman pastura bagi mengurangkan tegasan haba (*heat stress*) dan memastikan kelangsungan bekalan makanan ternakan pada musim kemarau yang berpanjangan;
 - d. **penuaian air hujan (*Rainwater Harvesting*) dan telaga tiub (*tube well*)** merupakan teknologi bagi mengatasi masalah kekurangan sumber air semasa musim panas;
 - e. **pembuatan silaj dan hay** bagi sektor ternakan bertujuan sebagai konservasi makanan di musim terdapat banyak rumput. Silaj dan hay ini akan menjadi sumber bekalan makanan utama ternakan apabila berlaku kekurangan rumput segar semasa kemarau melanda; dan
 - f. **pembinaan kelengkapan infrastruktur amalan pengairan sawah secara *Alternate Wetting and Drying (AWD)*** bagi menggantikan pengairan secara “banjir” (*Continuously Flooded*) untuk mengoptimumkan penggunaan air dan meningkatkan kecekapan infrastruktur pengairan.

KPKM akan terus komited dalam memastikan ketangkasan dan daya tahan rantai bekalan bagi sektor agromakanan untuk terus berdaya saing walaupun dalam keadaan tertekan. KPKM juga sentiasa berkerjasama dengan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan strategi di bawah sektor agromakanan adalah seiring dengan dasar perubahan iklim di peringkat nasional dan antarabangsa.

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 6 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

**DATUK HAJI MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
menyatakan apakah usaha untuk membantu para pesawah yang
terbeban dengan kenaikan kos input pertanian baja dan racun sehingga
menjejaskan sumber pendapatan mereka.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saban tahun, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM960 juta bagi menyediakan subsidi input pertanian untuk pembangunan industri padi negara. Jumlah ini merangkumi 61% daripada kos keseluruhan pengeluaran padi sehektar. Bentuk subsidi input pertanian yang diberikan adalah meliputi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dalam bentuk baja urea dan baja sebatian; Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) dalam bentuk bantuan baja NPK tambahan, bajak, racun makhluk perosak dan pengapuran; dan Insentif Benih Padi Sah (IBPS). Manakala Skim Baja dan Racun Padi Bukit/Huma (SBRPB) adalah diberikan khusus untuk penanaman padi bukit di Sabah dan Sarawak sahaja.

Menyedari beban yang ditanggung oleh pesawah berikutan kenaikan kos input pertanian, pada tahun 2022, Kerajaan telah menaikkan kadar bantuan bersubsidi racun makhluk perosak di bawah program SIPP daripada RM200/hektar per musim kepada RM300/hektar per musim yang implikasi kewangan tambahan sebanyak RM62 juta kepada Kerajaan. Kenaikan kadar ini bertujuan untuk meringankan kos yang ditanggung oleh pesawah susulan peningkatan harga bahan racun yang ketara. KPKM sentiasa berusaha untuk meringankan beban pesawah dan berharap dapat mengekalkan kadar baharu ini bagi tahun 2023 dan tahun-tahun seterusnya, namun ianya tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI
BIN SALLEH [PASIR PUTEH]
TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan dan tindakan pihak Kerajaan berkaitan penstrukturran semula subsidi minyak petrol atau penetapan semula harganya kepada RM 1.50/liter dalam usaha mengurangkan kos sara hidup rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi terus melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak mentah di pasaran global, Kerajaan masih mengekalkan harga siling petrol RON95 dan diesel bersubsidi sehingga kini, sungguhpun harga pasaran sebenar bagi kedua-dua produk telah melebihi paras harga siling yang ditetapkan.

Memandangkan harga minyak mentah dunia masih menunjukkan trend tidak stabil berikutan ketidaktentuan ekonomi global yang berterusan, Kerajaan tidak berhasrat untuk menurunkan had harga siling semasa ke paras yang lebih rendah. Ini bagi mengelakkan Kerajaan berterusan menanggung jumlah subsidi yang lebih tinggi.

Namun bagi mengimbangi tanggungan subsidi dengan keperluan untuk terus memelihara kebijakan dan kesejahteraan rakyat, Kerajaan sedang meneroka langkah menambah baik pemberian subsidi secara lebih bersasar bagi mengurangkan ketirisan subsidi dalam masa yang sama supaya penjimatan subsidi dapat digunakan bagi mengoptimumkan perbelanjaan kepada program dan projek yang memberi nilai tambah kepada ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT]

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia) sedar, di IPGK (institut pendidikan guru kampus) ada dua buah sekolah dalam IPG (institut pendidikan guru) yang tujuannya untuk membuat penyelidikan sebarang inovasi dalam sistem pendidikan kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited memanfaatkan dua buah sekolah yang beroperasi dalam institut pendidikan guru (IPG) iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Dato' Razali Ismail di IPG Kampus Dato' Razali Ismail di Terengganu dan SK IPGM Perlis di IPG Kampus Perlis.

Fungsi kedua-dua buah sekolah ini membolehkan IPG membuat kajian serta penilaian amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), pembentukan idea kreatif dan inovatif kepada bakal guru serta guru dalam perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 6 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status cadangan untuk membina dua buah sekolah baharu di Serian iaitu S. K. Sri Sadong, S. M. K. Serian II dan juga bangunan baharu Pejabat Pendidikan Daerah Serian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi dan berada dalam keadaan baik serta kondusif agar menjamin keselamatan dan keselesaan warga pendidik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedang melaksanakan projek pembinaan baharu SK Sri Sadong, Serian, Sarawak yang melibatkan pembinaan 12 bilik darjah dan kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan. Projek ini telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) *Rolling Plan 1 (RP1)* Tahun 2016 dengan kos berjumlah RM22.98 juta.

Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan kos bagi pelaksanaan projek ini kerana tawaran harga petender melebihi kos projek. Sehubungan dengan itu, keputusan Lembaga Perolehan yang bersidang pada 28 Disember 2022 telah menangguhkan keputusan tender ini sehingga peningkatan kos diluluskan atau pengurangan skop untuk menggunakan kos sedia ada. KPM sedang dalam proses akhir untuk mengemukakan dokumen pertimbangan Jawatankuasa Standard dan Kos (JSK), Kementerian Ekonomi bagi tujuan peningkatan kos projek.

Manakala, dalam RMKe-12 RP2 Tahun 2022, KPM telah diluluskan projek perolehan tanah bagi tujuan pembinaan sekolah baharu SMK Serian II. KPM sedang dalam proses kerja awalan yang melibatkan urusan mendapatkan ulasan agensi teknikal serta penyediaan pelan pengambilan tanah.

Sementara itu, KPM juga telah mengemukakan permohonan projek pembinaan bangunan baharu Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Serian untuk kelulusan di peringkat agensi pusat dalam RMKe-12 RP3 Tahun 2023. Walau bagaimanapun, kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KAR HING [GOPENG]

TARIKH : 6 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN TAN KAR HING [GOPENG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan strategi atau langkah-langkah Kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan import makanan secara berperingkat. Apakah punca utama Kerajaan sebelum ini kurang berkesan dalam menangani masalah kebergantungan import makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini sedang dalam usaha untuk mempertingkatkan pengeluaran secara domestik bagi mengurangkan kebergantungan kepada import seterusnya merapatkan jurang imbangan dagangan (*balance of trade*) sektor agromakanan. Namun begitu, pengimportan sebahagian daripada bahan makanan ini perlu bagi menampung kekurangan dalam pengeluaran tempatan dan memenuhi permintaan dalam negara terutama bagi bahan makanan yang masih mempunyai tahap kebergantungan import yang tinggi seperti cili, halia dan kubis.

Dalam hal ini, strategi-strategi yang dirangka akan menyumbang kepada ketersediaan bekalan makanan yang mencukupi dan merapatkan jurang imbangan perdagangan sektor agromakanan. Ini termasuklah beberapa inisiatif berteraskan peningkatan produktiviti dan pengurangan kebergantungan import input sektor agromakanan yang merupakan fokus utama Kementerian bagi tahun 2023, antaranya:

- (i) **memperkasakan pengeluaran ikan makanan melalui akuakultur** bagi meningkatkan pengeluaran akuakultur berbanding perikanan tangkapan terutamanya ikan marin. Peningkatan pengeluaran akuakultur dapat direalisasikan melalui penggunaan kaedah yang moden dan berteknologi tinggi seperti penternakan super intensif bagi udang, penggunaan biofloc (mikrob untuk memperbaiki kualiti air), *Recirculating Aquaculture System (RAS)* dan IoT. Sasaran pengeluaran akuakultur bagi tahun 2023 adalah sebanyak 480,000 tan metrik dan sasaran jangka sederhana (2025) dan jangka panjang (2030) adalah sebanyak 630,000 tan metrik dan 958,000 tan metrik;

- (ii) **meningkatkan bilangan lembu baka (breeder) dengan mengoptimumkan kapasiti fidlot melalui penglibatan syarikat swasta untuk mencapai Tahap Sara Diri (SSR) sebanyak 50% pada 2030 seperti yang dinyatakan di dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0);**
- (iii) **mensasarkan pengeluaran sebanyak 600,000 metrik tan jagung bijian** bagi mengurangkan kebergantungan kepada import iaitu sebanyak 30% menjelang tahun 2032. Justeru, program dan inisiatif dicadangkan sebagai pengukuhan Program Pembangunan Jagung Bijian Negara dalam memastikan kemampanan dan keterjaminan bekalan makanan negara. Sebagai permulaan, tanaman jagung bijian akan dilaksanakan dengan kerjasama Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT);
- (iv) **menggalakkan penglibatan golongan belia dalam pengeluaran makanan** dengan menyediakan kemudahan pembiayaan, modal permulaan, bantuan teknikal dan bantuan input pertanian; dan
- (v) **memperkasakan Institut Latihan di bawah Kementerian** bagi melahirkan graduan tani yang mampu memenuhi permintaan industri, mahir dalam penggunaan teknologi moden dan pintar serta berkeyakinan untuk terus kekal di dalam sektor agromakanan.

Langkah-langkah di atas akan terus diberikan tumpuan dan fokus oleh Kerajaan dalam meningkatkan kemampuan pengeluaran makanan tempatan melalui pelbagai strategi yang telah digariskan seiring Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana Kementerian Pendidikan akan mengambil langkah-langkah mengatasi masalah kekurangan guru kerana maklumat terkini menunjukkan guru gemar pencer lebiih awal akibat bebanan kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap isu kekosongan guru di sekolah KPM seluruh negara. Bagi menangani perkara ini, KPM telah melaksanakan beberapa pendekatan seperti menuju Jawatankuasa Pengambilan dan Penempatan Guru KPM. Jawatankuasa ini berperanan mengenal pasti perubahan yang berlaku dalam dasar, kurikulum, program dan enrolmen yang memberi implikasi kepada keperluan guru, seterusnya memastikan keseimbangan dalam pengambilan serta penempatan guru sekolah KPM.

Di samping itu, KPM akan melaksanakan pengambilan berterusan dari semasa ke semasa tertakluk kepada kekosongan di sekolah-sekolah. melaksanakan urusan pengambilan guru secara berterusan dari semasa ke semasa tertakluk kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan pengambilan seramai 22,327 guru pada tahun 2021 dan 2022.

KPM komited untuk terus memastikan keperluan guru di seluruh negara dipenuhi bagi memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan. KPM turut

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 06 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan Kementerian bagi menangani isu Islamofobia dalam kalangan anak-anak di sekolah, khususnya yang melibatkan sekolah vernakular.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat menitikberatkan pembangunan adab, akhlak dan integriti bagi melahirkan Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC) dalam memastikan generasi waris masa depan mempunyai jati diri yang kukuh dan perpaduan dalam kalangan murid untuk menghadapi pelbagai cabaran termasuk Islamofobia pada masa mendatang.

Selaras dengan itu, KPM telah memperkenalkan 7 Teras Nadi Keunggulan KPM. Teras kedua memberi penekanan kepada aspek karamah insaniah, iaitu pembentukan adab, akhlak dan integriti bagi mewujudkan suasana harmoni yang akan menghindari gejala negatif. Aspek karamah insaniah ini bukan sahaja diterap dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, malah turut diterapkan dalam pembelajaran di luar bilik darjah.

Sekian, terima kasih.